

BISNES » Korporat  
Jumaat, 26 April 2019 | 9:43pm

MSM MALAYSIA HOLDINGS BERHAD



## MSM buat kali pertama laksana penghantaran pukal cerai gula bertapis

[f Share](#) [Tweet](#) [S+ Share](#)

KUALA LUMPUR: Anak syarikat FGV Holdings Bhd, MSM Malaysia Holdings Bhd buat kali pertamanya melaksanakan penghantaran gula bertapis secara pukal cerai, dengan pengeksportan 7,000 tan dari MSM Johor ke China.

Setelah beroperasi sepenuhnya pada November 2018, MSM Johor menyediakan kemudahan bagi MSM Group, pengeluar gula bertapis terkemuka Malaysia, untuk menyokong permintaan domestik dan meningkatkan lagi jualan eksport pada harga kompetitif berasaskan kedudukannya yang strategik di Pelabuhan Tanjung Langsat.

MSM Johor juga dijangka menurunkan kos di seluruh rantaian nilai memandangkan kemudahan pelabuhan yang strategik itu menyumbang kepada kecekapan kos, selain mengurangkan tenaga kerja menerusi penggunaan mesin canggih berteknologi lebih baik serta sistem automasi sepenuhnya, menurut MSM dalam kenyataan hari ini.

“Penghantaran pukal cerai dapat mengurangkan kos logistik kami memandangkan ia memerlukan kargo dihantar dalam bentuk unit tunggal seperti diletakkan di dalam peti kayu, bungkusan atau diikat pada palet, dengan gula bertapis kami dibawa dalam beg jumbo 1.5 tan yang memudahkan proses pemuatan.

“Selain itu, penghantaran pukal cerai juga membolehkan barangan memasuki pelabuhan yang tidak begitu dibangunkan secara terus kerana setengah-setengahnya tidak menyediakan kemudahan bagi kapal kontena besar,” menurutnya.

MSM berkata, operasi pukal cerai menerusi jeti Pelabuhan Tanjung Langsung melibatkan kerjasama antara MSM Johor dan FGV Transport Services Sdn Bhd.

“MSM menyasarkan untuk mengekport lebih 300,000 tan gula bertapis dan produk lain berkaitan gula yang berpotensi ke rantau Asia-Pasifik sejajar dengan Pelan Perniagaan 2019-2021, merangkumi eksport ke pasaran Asia sebagai sebahagian keutamaan kami bagi mengekalkan kedudukan syarikat sebagai antara peneraju pasaran ke arah menjadi 10 pengeport utama gula di dunia menjelang 2020.

“Bagaimanapun, MSM akan terus memilih pasaran eksportnya dengan menumpukan pasaran utama susulan cabaran dari segi harga ekoran lambakan gula dunia,” katanya.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Datuk Khairil Anuar Aziz, berkata penghantaran pukal cerai itu merupakan sebahagian model perniagaan baharu MSM yang menumpukan pengendalian disiplin kos dan kecekapan operasi dalam aktiviti perniagaan termasuk pemerolehan gula mentah, gudang luar, serta kos pengangkutan, penapisan dan kewangan.

“Kelebihan kilang penapis kami yang berupaya beroperasi secara sendiri di Johor berserta inisiatif penghantaran pukal cerai memberi peluang untuk kami mengeksport gula bertapis pada harga yang amat kompetitif.

“Berasaskan pengoperasian kilang penapis kami di Johor, kami mempunyai kapasiti untuk memenuhi permintaan domestik dan meningkatkan penguasaan pasaran di peringkat eksport, pada masa sama meneroka aliran perolehan tambahan,” katanya. - BERNAMA

**AGENCY:** Berita Harian (Online)

**LINK:** <https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2019/04/557579/msm-buat-kali-pertama-laksana-penghantaran-pukal-cerai-gula-bertapis>